

# MALAYSIA BERSAMAMU

## Tabik skuad bola jaring!

➔ Rampas semula emas dari Singapura

Oleh Aida Adilah Mat, Mohd Fitrie Muhamad, Jugjet Singh  
bhsukan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**M**alaysia seakan mengajar Singapura 'satu dua perkara' tentang bola jaring apabila menewaskan jiran seberang tambak it 65-41 dalam penentuan pingat

emas di Stadium Juara Bukit Kiara, semalam.

Malaysia mendahului dari mata pertama dan tidak menoleh ke belakang untuk memastikan emas pertama dalam tempoh 16 tahun acara berkenaan di temasya Sukan SEA.

Sejak diperkenalkan di temasya sukan terbesar Asia Tenggara itu pada 2001, hanya tiga kali ia dipertandingkan dengan Singapura turun pada edisi kali ini sebagai juara bertahan.

"Pemain berhak (mendapat kemenangan ini) kerana mereka berlatih dengan gigih dan banyak berkorban untuk kejayaan

ini," kata jurulatih skuad bola jaring negara, Tracey Robinson

### Beri kepuasan

Amat merugikan jika pemain berbakat ini mengambil haluan masing-masing selepas ini, untuk menunggu dua tahun lagi sebelum Sukan SEA di Filipina, itupun jika penganjur memutuskan untuk mempertandingkan acara berkenaan.

Ketika kali pertama diperkenalkan di Sukan SEA Kuala Lumpur 2001, Malaysia menewaskan Singapura untuk meraih emas sulung bola jaring.

Kali kedua ia dianjurkan ialah di Singapura dua tahun lalu dan tuan rumah menewaskan Malaysia untuk meraih emas.

Sementara itu, ketua pasukan negara Nur Syafazliyana Mohd Ali berkata, kemenangan itu memberi satu kepuasan yang cukup bermakna buat kem negara.

"Terima kasih kepada semua yang hadir memberi sokongan. Kemenangan ini sangat bermakna buat pasukan bola jaring Malaysia.

"Emas ini adalah penting untuk kami terus melakar kemenangan seterusnya dan diharapkan akan dapat melakarkan lebih banyak lagi kejayaan selepas ini," katanya.



Najib dan Rosmah berswafoto bersama pemain bola jaring Malaysia selepas memenangi pingat emas, semalam.